

28/02/2003

Ling percaya ahli sudah muak isu dalaman MCA

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, percaya ahli parti itu kini sudah jemu dengan pergolakan yang berlaku dalam parti berkenaan.

"Ahli MCA tahu kita ada agenda positif dan membina. Mereka tidak akan mengikut agenda yang tidak membina," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden lebih sejam di Wisma MCA di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, minggu lalu bahawa parti itu masih bergolak dan berpecah kepada dua puak.

Satu puak yang dirujuk sebagai Kumpulan A diketuai Dr Ling manakala Kumpulan B oleh timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek.

Sebelum ini, kedua-dua kumpulan itu bersetuju menerima pelan damai yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan krisis kepemimpinan parti itu.

Menerusi pelan damai itu, semua penyandang jawatan bagi penggal 1999 hingga 2002 dikekalkan sehingga 2005 dan sebarang kekosongan khasnya penyandang jawatan dalam Pemuda MCA yang melebihi had umur 45 tahun harus diisi melalui perbincangan dan persetujuan.

Bagaimanapun, sehingga kini ada negeri yang gagal mencapai persetujuan untuk mengisi kekosongan jawatan ketua Pemuda.

Dr Ling bagaimanapun berkata, anggota parti sudah jemu dengan penentangan secara sembunyi itu.

Beliau berkata, kini agenda paling penting parti itu ialah menumpukan perhatian terhadap penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar).

"Ahli MCA mesti bergerak ke hadapan, agenda parti mesti diteruskan dan Utar terlalu penting untuk diperlekehkan oleh perselisihan faham sedemikian," katanya.

Mengenai mesyuarat itu, beliau berkata, Majlis Presiden melantik ahli CC

yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim mengetuai pasukan bertindak bagi membantu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) memohon memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau berkata, pasukan bertindak itu akan ditubuhkan di setiap negeri dengan hotline masing-masing bagi memudahkan mereka yang mempunyai masalah

berhubung permohonan memasuki IPTA, mendapatkan bantuan dan penjelasan.